

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, MELAKA**  
**BIL. 4/2020**

---

**PENGUATKUASAAN BAGI PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN, TANAH RIZAB ATAU TANAH LOMBONG YANG DIDUDUKI TANPA KEBENARAN YANG SAH SELARAS DENGAN PERUNTUKAN SEKSYEN 425(1) KANUN TANAH NEGARA 1965**

---

**A. TUJUAN**

Arahan ini dikeluarkan bagi menasihati Pentadbir Tanah mengenai pelaksanaan penguatkuasaan bagi pencerobohan di atas tanah kerajaan, tanah rizab atau tanah lombong yang berbangkit daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka yang bersidang pada 24.6.2020 melalui Risalat MMKN P14 7C/8/2020.

**B. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG**

1. Seksyen 425(1) Kanun Tanah Negara 1965 ("KTN") telah memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang, tanpa kebenaran yang sah, mencerobohi tanah Kerajaan, tanah rizab atau tanah lombong dengan cara menduduki, membina apa-apa bangunan, membersih, membajak, menggali, mengepungi, menanami, memotong atau memindah kayuan atau hasil atas tanah sedemikian adalah melakukan suatu kesalahan. Seksyen 425(1) KTN disalankan seperti berikut:-

***"425. Unlawful occupation, etc., of State land, reserved land or mining land.***

(1) *Any person who, without lawful authority-*

*(a) occupies, or erects any building on, any State land, reserved land or mining land, or*

(b) *clears, ploughs, digs, encloses or cultivates any such land or part thereof; or*  
(c) *cuts or removes any timber or produce on or from such land,*

*shall be guilty of an offence, and liable on conviction to a fine not exceeding five hundred thousand ringgit, or imprisonment for a term not exceeding five years."*

2. Pentadbir Tanah juga dinasihati untuk memberi perhatian kepada seksyen 425(2) KTN yang memperuntukkan bahawa bagi maksud seksyen 425, tanah Kerajaan adalah termasuk semua tanah yang dipegang oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan atau Negeri, suatu pihak berkuasa tempatan atau suatu pihak berkuasa berkanun yang menjalankan kuasa yang terletakhak kepadanya oleh undang-undang Persekutuan atau Negeri.
3. Bagi tujuan penguatkuasaan terhadap pencerobohan di atas tanah Kerajaan, tanah rizab atau tanah lombong, Pentadbir Tanah dinasihati untuk mengeluarkan satu surat peringatan bagi mengosongkan tanah Kerajaan, tanah rizab atau tanah lombong yang diduduki tanpa kebenaran yang sah dahulu sebelum meneruskan dengan pembukaan kertas siasatan. Bagi tujuan penyelarasan surat peringatan tersebut, dilampirkan contoh surat peringatan bagi tujuan sedemikian seperti di **Lampiran A**.
4. Setelah kertas siasatan dilengkapkan, Pentadbir Tanah boleh mendapatkan arahan selanjutnya daripada Timbalan Pendakwa Raya ("TPR") sama ada kesalahan ini boleh dikompaun dengan izin TPR atau didakwa dengan arahan TPR.
5. Peruntukkan undang-undang dibawah seksyen 429B KTN dan Kaedah 45 Kaedah-Kaedah Tanah Melaka 1966 membenarkan kesalahan dibawah Seksyen 425(1) Kanun Tanah Negara 1965 dikompaun. Seksyen 429B KTN disalinkan seperti berikut:-

**"429B. Compounding of offences.**

- (1) *The State Director or Land Administrator may, with the written consent of the Public Prosecutor, make a written offer to the person reasonably suspected of having committed an offence to compound the offence upon payment to the State Director or Land Administrator such amount not exceeding fifty per centum of the amount of maximum fine for that offence within such time as may be specified in the offer.*
- (2) *An offer under subsection (1) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted and where the amount specified in the offer is not paid within the time specified in the offer or within such extended time as the State Director or Land Administrator may grant, prosecution for the offence may be instituted at any time thereafter against the person to whom the offer was made.*
- (3) *Where an offence has been compounded under subsection (1)-*
- (a) *no prosecution shall thereafter be instituted in respect of such offence against the person whom the offer to compound was made; and*
- (b) *any book, record, apparatus, equipment, instrument, material, article or any other thing seized in connection with the offence, may be forfeited, destroyed or returned to that person, as the State Director or Land Administrator deems fit after taking into consideration the nature of the offence and subject to such terms and conditions as may be imposed."*

Kaedah 45 Kaedah-kaedah Tanah Melaka 1966 memperuntukkan seperti berikut:-

**"Compoundable offences**

45. (1) *The offences under subsections 214A(10), 241A(10A), 400(1), 400(2), 400(3), 424(1), 424(2), 425(1), 425(1A), 425A, 426(1), 426(1B), 427(1), 428(1), 428A and section 429 of the Code may be compounded."*

6. Sekiranya Pentadbir Tanah telah mendapat izin untuk kesalahan ini dikompaun, jumlah maksimum bagi kompaun yang boleh dikenakan adalah sebanyak RM250,000.00 seperti mana diperuntukkan di bawah kaedah 46 Kaedah-kaedah Tanah Melaka 1966 seperti berikut:-

**"Amount of compound payable**

*46. (1) The compound payable in respect of compoundable offences shall not exceed fifty percentum (50%) of the amount of maximum fine."*

**C. TARIKH KUATKUASA ARAHAN**

Arahan ini adalah terpakai serta-merta .

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATUK ZAIDI BIN JOHARI)**  
Pengarah Tanah dan Galian  
Melaka.

Tarikh : 7 Julai 2020  
Rujukan : PTG.UP.100/2/3

## LAMPIRAN A

### SURAT PERINGATAN UNTUK MENGOSONGKAN \*TANAH KERAJAAN/TANAH RIZAB/TANAH LOMBONG YANG DIDUDUKI TANPA KEBENARAN YANG SAH

Kepada,

---

---

---

Tuan/Puan,

**Surat Peringatan untuk Mengosongkan \*Tanah Kerajaan/Tanah Rizab/Tanah Lombong yang Diduduki Tanpa Kebenaran yang Sah**

No Lot./No. P.T. : \_\_\_\_\_

H.S.(D)/H.S.(M)/Rizab Warta No. : \_\_\_\_\_

Mukim: \_\_\_\_\_

Daerah: \_\_\_\_\_ Negeri: \_\_\_\_\_

Perkara di atas adalah dirujuk. Saya bertindak \*sebagai/bagi pihak Pentadbir Tanah Daerah \_\_\_\_\_ yang beralamat di \_\_\_\_\_.

2. Dimaklumkan Tuan/Puan telah menceroboh \*tanah Kerajaan/tanah rizab/tanah lombong seperti diatas. Dengan ini Tuan/Puan telah melakukan kesalahan dibawah Seksyen 425(1) Kanun Tanah Negara 1965 iaitu menceroboh \*tanah Kerajaan/tanah rizab/tanah lombong.

3. Untuk berlaku adil ke atas Tuan/Puan, Tuan/Puan adalah dinasihatkan untuk mengosongkan tanah diatas dalam tempoh \_\_\_\_\_ dari tarikh surat ini diterima. Tuan/Puan juga dinasihatkan untuk memindahkan segala harta benda yang berada diatas tanah tersebut sebelum tempoh \_\_\_\_\_ yang diberikan tamat.

4. Sekiranya Tuan/Puan masih gagal atau enggan untuk berbuat sedemikian, Pentadbiran ini tidak akan memberi apa-apa amaran lagi kepada Tuan/Puan selepas penghantaran surat peringatan ini. Pentadbiran ini akan terus mengambil tindakan penguatkuasaan menggunakan kuasa-kuasa yang diberikan undang-undang di bawah seksyen 426(A) Kanun Tanah Negara 1965, yang termasuklah mengambil milik atau merobohkan apa-apa harta benda milik Tuan/Puan yang dibina, ditanam atau diletakkan di atas tanah diatas pada bila-bila masa.

5. Selain tindakan di atas, Pentadbiran ini juga akan mengambil tindakan pendakwaan terhadap Tuan/Puan bagi kesalahan menceroboh tanah diatas di bawah seksyen 425(1) Kanun Tanah Negara 1965, yang mana Tuan/Puan boleh dikenakan kompaun sehingga RM250,000.00 atau didakwa di Mahkamah yang mana Tuan/Puan jika disabit dengan kesalahan boleh didenda sehingga RM500,000.00 atau dipenjara untuk suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun.

5. Oleh itu, diharap pihak Tuan/Puan memberi segala kerjasama dengan mengosongkan tanah yang disebut diatas demi menjaga kebaikan Tuan/Puan serta kesejahteraan Negeri ini.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

---

(Pentadbir Tanah)

\*potong sebagaimana yang perlu